

06/11/1998

`Mencantumkan' semula hubungan

SELEPAS agak sekian lama Malaysia dan Singapura bertelagah berhubung renteran beberapa isu yang dianggap menggugat hubungan kedua-dua negara, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya, Goh Chok Tong mula mencantumkan "retak" yang sebelum ini dianggap "menunggu belah".

Jaminan positif hasil pertemuan kedua-dua mereka di Hotel Pan Pacifik, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang semalam, membuktikan bahawa persengketaan yang berterusan, tidak mendatangkan faedah sama ada dari segi politik, ekonomi atau diplomasi, terutama dalam keadaan ekonomi rantau ini yang masih terumbang-ambing. Analisis akhir, kedua-dua negara akan menerima kesan negatif, jika terus-menerus bertelagah. Sebaliknya, jika kedua-dua negara bergabung fikiran, tenaga dan sumber, sebarang keadaan yang tidak diinginkan boleh dibendung bersama.

Hari ini, Singapura pun turut menerima kesan kegawatan ekonomi walaupun sebelum ini kedudukan ekonomi republik itu dianggap begitu kukuh. Ini menunjukkan bahawa ketika menghadapi masalah, negara jiran perlu merapatkan kerjasama. Dengan hanya menunjukkan "ngauman" sendiri tanpa mempedulikan nasib negara jiran, akhirnya akan menjerat diri sendiri. Singapura perlu sedar betapa dalam keadaan sukar, Malaysia adalah sahabat paling akrab. Jika selama ini kedua-dua negara tidak menimbulkan isu yang boleh menyebabkan perdebatan secara terbuka, hubungan pasti dapat berjalan lancar. Kita perlu akui beberapa isu yang timbul kebelakangan ini banyak menjejaskan hubungan intim kedua-dua negara. Syak wasangka menular dengan cepat bukan saja pada peringkat kerajaan dengan kerajaan, tetapi juga antara rakyat dengan rakyat. Ini sepatutnya dielakkan.

Adalah amat wajar sekali kedua-dua negara menyelesaikan segala masalah di meja rundingan. Isu meritokrasi, Pusat Kuarantin dan Imigresen (CIQ) di Tanjung Pagar, Singapura, larangan penggunaan ruang udara Malaysia, soal bekalan air dan beberapa isu lain, sebenarnya boleh diselesaikan dengan baik jika wujud saling hormat menghormati. Antara kedua-dua negara, tidak ada pihak yang boleh mendabik dada dan mengatakan mereka tidak menghadapi kerugian kesan isu yang ditimbulkan. Hakikatnya, kedua-dua negara masih bergantung antara satu dengan lain. Media Singapura juga seharusnya lebih peka dengan kepentingan hubungan kedua-dua negara. Akhbar negara itu tidak perlu mempertahankan ego negara itu kerana ia sebenarnya memperjudikan masa depan rakyat. Serangan ekonomi yang hebat boleh menyebabkan republik itu terjerumus jika beranggapan mereka tidak memerlukan bantuan daripada negara jiran.

Dengan memberi jaminan akan mengetepikan perbezaan sesama sendiri dan menumpukan perhatian kepada usaha memperbaiki lagi hubungan kedua-dua negara, sekurang-kurangnya satu babak getir, sudah dapat diselesaikan. Jaminan kedua-dua negara itu perlulah diikuti pula dengan tindakan. Kedua-dua pihak perlu membuktikan iltizam yang jitu dan tidak lagi menimbulkan sebarang sengketa yang boleh merenggangkan hubungan dua negara jiran itu.

Apa pun, kedua-dua negara tidak dapat memadamkan ikatan sejarah kewujudan kedua-dua negara. Sepatutnya sejarah kedua-dua negara itu perlu dipahat pada pemikiran setiap rakyat supaya mereka sentiasa menganggap Malaysia dan Singapura berasal dari satu rumpun.

Menjelang Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, pertengahan November ini, Malaysia dan Singapura tidak boleh menunjukkan kepada kuasa besar lain bahawa rantau ini sering berada dalam

keadaan tidak stabil. Sepatutnya, negara di rantau ini perlu menunjukkan mereka sentiasa padu.

Disebabkan ini adalah kali kelima kedua-dua Perdana Menteri mengadakan pertemuan, segala masalah lebih mudah diselesaikan bersama. Sebagaimana dipersetujui, Singapura perlu mencari jalan untuk membantu Malaysia dan begitu juga sebaliknya. Masa untuk mengambil kesempatan terhadap kelemahan atau kekuatan sesuatu pihak, tidak lagi boleh diterima dalam konteks hubungan kedua-dua negara. Bagi Malaysia pula, selagi ia boleh membantu republik itu, ia perlu dilaksanakan.

Dalam konteks bekalan air, Malaysia sudah menunaikan tanggungjawabnya. Tentunya, sebagaimana dijanjikan oleh Goh, Malaysia juga ingin melihat Singapura membantu negara ini untuk mengembalikan keadaan ekonomi pada landasan yang betul. Disebabkan Malaysia memerlukan dana untuk memulihkan ekonomi negara, Singapura dengan kekuatan ekonominya, pastinya boleh melakukan sesuatu yang memberi manfaat. Apabila ekonomi Malaysia pulih, negara itu juga mungkin dapat memperbaiki semula keadaan ekonominya.

(END)